

30/08/2001

Laporan Suhakam berat sebelah: Norian

KUALA LUMPUR, Rabu - Polis menyifatkan laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) yang mendakwa pasukan itu mencabul hak asasi manusia ketika menyuraikan perhimpunan haram di Lebuhraya Kesas, Shah Alam, tahun lalu, sebagai berat sebelah dan tidak logik.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, yang kurang berminat untuk mengulas laporan setebal 66 muka surat dikeluarkan oleh Suhakam minggu lalu itu berkata:

"Saya sebenarnya tidak memberi perhatian yang tinggi kepada laporan itu kerana ia satu laporan yang 'bias' dan tidak berpijak di bumi nyata."

Pada 20 Ogos lalu, Suhakam mengumumkan laporan siasatan ke atas insiden yang tercetus pada 5 November lalu dengan merumuskan berlaku beberapa pencabulan hak asasi oleh anggota polis.

Antaranya penggunaan kekerasan terhadap mereka yang berada di tempat perhimpunan, menyebabkan kerosakan serta merampas harta persendirian, menyebabkan kecederaan terhadap tahanan dan melengahkan rawatan terhadap tahanan.

Berikutan itu, Suhakam juga mencadangkan polis supaya mengkaji semula kaedah menyuraikan orang ramai, terutama berhubung penggunaan kekerasan, penahanan peserta perhimpunan serta layanan terhadap tahanan.

Pengerusi panel siasatan, Tan Sri Anuar Zainal Abidin, ketika mengumumkan hasil siasatan itu berkata, laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Parlimen tidak lama lagi.

Siasatan terhadap kejadian itu yang dimulakan pada 29 November lalu mengambil masa selama 20 hari membabitkan 46 saksi, termasuk 15 anggota dan pegawai polis.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilaporkan berkata laporan Suhakam itu banyak dipengaruhi oleh pemikiran Barat dan bukan bagi kepentingan negara.

Perdana Menteri berkata, Suhakam yang mahu membuktikan ia bersikap liberal, silap kerana lebih terpengaruh dengan nilai-nilai Barat sedangkan kerajaan dan polis negara ini menjaga kepentingan rakyat dengan mengambil kira hak asasi mereka.

Dr Mahathir berkata, Suhakam seharusnya memberi pertimbangan kepada keterangan polis ketika siasatan itu kerana mereka menjalankan tugas dalam keadaan tertekan bagi menangani perhimpunan haram.

Sebelum itu, Norian menyampaikan wang pampasan berjumlah RM188,250 kepada balu anggota polis, Sarjan M Kanagarethinam Paul yang lemas ketika menyertai misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Timur Timor pada Jun tahun lalu.

Wang berkenaan diterima oleh balu anggota berkenaan, K Vimala. Turut hadir dua anak mending, K Suganya, 8, dan K Hemala, 6.

(END)